



DUTI SETEM
BERBAYAR

5th Floor, IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur

IKHLAS IDAMAN

SIJIL TAKAFUL INDUK

NO SIJIL TAKAFUL INDUK: GFL00112CI

Sijil Takaful Induk ini telah dikuatkuasa dengan **TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat") oleh **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL** (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta Takaful Induk") dan segala cadangan dan pengisyiharan yang diserahkan oleh Peserta Takaful Induk dan Orang Yang Dilindungi, sekiranya ada, akan menjadi asas Sijil Takaful Induk ini dan termaktub di dalamnya.

BERSAKSI DENGAN SIJIL TAKAFUL INDUK INI, sebagai balasan terhadap Sumbangan Takaful yang diterima dalam tempoh yang dipersetujui bersama di antara pihak Syarikat dan Peserta Takaful Induk, adalah dengan ini dipersetujui dan diisyiharkan bahwasanya, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk ini atau pernyataan yang terdapat di dalam sebarang endosmen ke atas Sijil Takaful Induk ini, pihak Syarikat akan membayar kepada Peserta Takaful Induk manfaat-manfaat Takaful yang terdapat di dalam Jadual ini yang diambil daripada Dana Risiko setelah Peserta Takaful Induk memberi bukti yang memuaskan kepada pihak Syarikat mengenai berlakunya peristiwa-peristiwa di mana manfaat tersebut perlu dibayar.

DAN DIISYTIHARKAN, Sijil Takaful Induk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tertera di dalam jadual-jadual di dalam Sijil Takaful Induk ini atau kepada sebarang terma-terma dan peruntukan-peruntukan yang diendos atau ditulis selepas itu atau pada helaian yang dikepil dan ditandatangani bagi pihak Syarikat oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat sebagai relatif kepada atau terkandung di dalam Jadual-jadual tersebut.

Sijil Takaful Induk ini ditandatangani di Kuala Lumpur pada tarikh Sijil Takaful Induk dikeluarkan seperti yang tercatat di dalam Jadual Pertama untuk dan bagi pihak Syarikat.

IKHLAS[®]

[Signature]

Tandatangan Sah

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Sijil Takaful Induk ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk dan bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh anda dan/ atau Orang Yang Dilindungi di dalam borang cadangan/ permohonan anda atau mana-mana soal selidik seterusnya oleh kami atas apa-apa perkara yang berhubungan dengan cadangan anda dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh anda antara masa penyerahan permohonan/ cadangan anda dan masa kontrak ini dibuat.

Maklumat material itu hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara kami dan anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat penting itu, hanya remedii di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Jika anda dikehendaki oleh kami, sebelum Sijil Takaful Induk diperbaharui atau diubah, untuk menjawab apa-apa soalan atau jika anda dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara sebelum ini yang telah didedahkan oleh anda kepada kami berhubung dengan Sijil Takaful Induk ini, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat apa-apa salah nyata semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara sebelum ini.

Anda mesti memberitahu kami apa-apa perubahan kepada maklumat yang diberikan kepada kami dalam jawapan anda atau berkenaan dengan apa-apa perkara sebelum ini yang telah didedahkan kepada kami berhubung dengan Sijil Takaful Induk jika perubahan tersebut telah berlaku selepas anda mengemukakan permohonan untuk pembaharuan/ kelainan tetapi sebelum Sijil Takaful Induk diperbaharui atau diubah.

Yang berikut harus dibaca bersama dengan provisi-provisi di dalam dokumen Sijil Takaful Induk ini.

1. BUKTI UMUR

Jika umur Orang Yang Dilindungi belum diakui di dalam Sijil Takaful Induk, kami memerlukan bukti umur Orang Yang Dilindungi sebelum Syarikat membayar sesuatu tuntutan.

2. PENAMAAN (JIKA DIGUNA PAKAI)

Orang Yang Dilindungi boleh memilih siapa yang akan menerima manfaat-manfaat selepas kematian Orang Yang Dilindungi dengan mengisi borang penamaan.

Borang butiran pekerja/ahli akan menyatakan sama ada Orang Yang Dilindungi telah menamakan seseorang untuk menerima manfaat-manfaat tersebut. Jika Orang Yang Dilindungi belum menamakan sesiapa, sila maklumkan kepada Orang Yang Dilindungi untuk melengkapkan borang penamaan yang boleh didapati daripada wakil Syarikat dan hantarkan kepada pihak Syarikat dengan serta-merta.

Orang Yang Dilindungi perlu memberitahu pihak Syarikat dengan cara menulis kepada Syarikat atau melengkapkan borang penamaan jika berlaku pertukaran penama bagi memudahkan pembayaran manfaat-manfaat.

3. PERTUKARAN ALAMAT

Anda perlu memberitahu kami jika terdapat sebarang pertukaran pada alamat surat-menyurat anda bagi memastikan kami dapat memaklumkan anda tentang maklumat penting. Anda juga perlu memberitahu kami alamat terkini penama bagi memudahkan pembayaran manfaat-manfaat apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia.

4. TEMPOH BERTENANG

Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Sijil Takaful Induk ini, anda boleh memulangkannya di dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil Takaful Induk ini. Kami akan mengembalikan jumlah Sumbangan Takaful ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah kami bayar.

5. BAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan-sumbangan Takaful boleh dibayar melalui Tunai, Kad Kredit, Autodebit, Arahan Tetap, FPX, Potongan Biro Angkasa atau Cek dan lain-lain yang telah dipersetujui oleh Syarikat dan Pemegang Sijil Induk.

Jika anda membayar Sumbangan Takaful anda secara tunai atau cek, sila pastikan bahawa anda membayarnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari walaupun anda tidak menerima sesuatu notis. Cek hendaklah ditujukan kepada "Takaful Ikhlas Family Berhad" dan dipangkah "AKAUN PENERIMA SAHAJA". Sila tulis nama Syarikat/persatuan/ anda dan nombor Sijil Takaful Induk di belakang cek.

Adalah penting untuk anda menyimpan resit yang kami hantar kepada anda, sebagai bukti pembayaran Sumbangan Takaful bagi rujukan masa hadapan.

6. SERAHAN

Anda boleh menyerahkan Sijil Takaful anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Bertenang dan kami akan memulangkan sebahagian daripada Sumbangan Takaful anda, untuk kumpulan dengan kepentingan boleh lindung. Tiada pulangan akan dibayar untuk kumpulan tanpa kepentingan boleh lindung.

Sila dapatkan nasihat daripada wakil Syarikat atau hubungi Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan sebelum anda membuat keputusan yang muktamad.



7. PENYERAHAN TUNTUTAN

Jika anda perlu membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada kami di alamat yang tertera di bawah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan, notis segera haruslah diberikan kepada kami.

Setelah kami menerima notis tuntutan, kami akan memberikan dokumen-dokumen yang sepatutnya diisi supaya kami dapat memproses tuntutan anda. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi kami di talian +603-2723 9696 di waktu pejabat.

8. NOTIS KEPADA KAMI

Semua notis kepada kami hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada kami seperti alamat di bawah.

9. JABATAN PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN

Jika anda mempunyai sebarang persoalan, sila hubungi Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan kami di +603-2723 9696 semasa waktu pejabat atau hubungi wakil kami. Anda juga boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan di alamat berikut sekiranya anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kami atau anda hendak membuat rayuan terhadap keputusan tuntutan:

Takaful Ikhlas Family Berhad
Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : +603-2723 9696
Faks : +603-2723 9998
Laman sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my
Emel : complaints@takaful-ikhlas.com.my

10. OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh membuat rayuan kepada pihak Syarikat. Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka anda boleh merujuk kes anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.

Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
Emel : enquiry@ofs.org.my
Laman sesawang : www.ofs.org.my

Contact Centre (BNMTELELINK)
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur.

TELEFON/ FAKSIMILI / EMEL
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar negara: +603-2174-1717)
Faks : +603-2174-1515
Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my



JADUAL KEDUA

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SIJIL TAKAFUL INDUK

1. DEFINISI-DEFINISI

- 1.1. "Manfaat Dipercepatkan" merujuk kepada manfaat takaful yang dikenalpasti sebagai Manfaat Dipercepatkan di dalam jadual yang berkenaan. Apa-apa bayaran yang dibuat di bawah Manfaat Dipercepatkan akan mengurangkan Amaun Perlindungan bagi Manfaat Dipercepatkan yang lain di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 1.2. "Manfaat Tambahan" merujuk kepada manfaat takaful yang dikenalpasti sebagai Manfaat Tambahan di dalam jadual yang berkenaan. Apa-apa bayaran yang dibuat di bawah Manfaat Tambahan tidak akan mengurangkan Amaun Perlindungan bagi manfaat yang lain di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 1.3. "Kemalangan" bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, yang tidak diduga dan tidak dirancang yang menyebabkan Kecederaan anggota badan.
- 1.4. "Ahli Yang Aktif" bermaksud Orang Yang Dilindungi adalah pekerja sepenuh masa untuk pengajian tetap dan hadir secara fizikal semasa waktu kerja; atau kini merupakan ahli berdaftar kepada Sijil Takaful Induk. Tidak hadir adalah kerana cuti biasa, cuti belajar, latihan atau cuti sakit (termasuk cuti sakit yang berpanjangan) adalah dikira memenuhi keperluan.
- 1.5. "Tarikh Kuat Kuasa" bermaksud tarikh di mana perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful Induk ini bermula, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 1.6. "Tempoh Bertenang" bermaksud tempoh atau masa yang diberikan kepada Peserta Takaful Induk untuk memulangkan Sijil Takaful Induk kepada Syarikat.
- 1.7. "Jenayah" bermaksud tindakan atau penyembunyian yang merupakan satu kesalahan dan boleh dihukum oleh undang-undang.
- 1.8. "Tanggungan" bermaksud mana-mana orang yang berikut:
 - 1.8.1. Suami isteri yang sah;
 - 1.8.2. Anak-anak kepada Orang Yang Dilindungi (ahli);
 - 1.8.3. Anak-anak yang berumur lebih daripada satu (1) hari tetapi di bawah umur tiga puluh (30) tahun atau selagi anak tersebut masih belajar sepuhul masa. Ini terpakai jika anak dilindungi di bawah manfaat Perbelanjaan Serta-Merta Kematian.
- 1.9. "Hilang Upaya" bermaksud kesakitan, wabak, penyakit atau semua Kecederaan yang terjadi daripada satu atau beberapa siri sebab yang berterusan.
- 1.10. "Kecemasan" bermaksud rawatan yang diperlukan dalam keadaan di mana rawatan perubatan serta merta dalam tempoh dua belas (12) jam bagi Kecederaan tubuh badan, sakit atau gejala yang jika gagal diberikan yang akan mengancam nyawa atau membawa kepada kemerosotan yang ketara kepada kesihatan Orang Yang Dilindungi.
- 1.11. "Endosmen" bermaksud pengendorsan, jika ada, yang ditandatangani oleh kami untuk pengubahsuai atau mengubah mana-mana terma atau syarat yang terkandung dalam Sijil Takaful Induk ini.
- 1.12. "Tahun Kewangan" bermaksud tempoh dari 1 April mana-mana tahun kalender ke 31 Mac tahun kalender berikutnya.
- 1.13. "Hibah" bermaksud pemberian yang tidak mengharapkan apa-apa balasan.
- 1.14. "Sijil Takaful Individu" membawa maksud Sijil Takaful Individu untuk Skim ini yang dikeluarkan untuk Orang Yang Dilindungi yang berkaitan dengan Sijil Takaful Induk yang mengandungi maklumat Orang Yang Dilindungi (termasuk tetapi tidak terhad kepada Jadual Manfaat)
- 1.15. "Kecederaan" bermaksud kerosakan tubuh badan akibat Kemalangan.
- 1.16. "Sijil Takaful Induk" bermaksud perjanjian ini, dan sebarang Endosmen ke atasnya, serta sebarang perubahan dan pindaan kepadanya yang ditandatangani oleh wakil pihak Syarikat yang diberi kuasa, cadangan oleh Peserta Takaful Induk dan Orang Yang Dilindungi (jika berkenaan), kesemua jadual yang dilampirkan dari semasa ke semasa dan pemeriksaan perubatan dan juga pengakuan Orang Yang Dilindungi, jika ada.
- 1.17. "Berkuat kuasa Di Bawah PIA" bermaksud Sijil Takaful Individu berkuat kuasa dengan menggunakan baki daripada akaun Orang Yang Dilindungi samada daripada PIA atau Dana Pelaburan semasa tiada Sumbangan Takaful diterima.
- 1.18. "Peserta Takaful Induk, anda" bermaksud orang yang dinamakan (dinyatakan di dalam Jadual Pertama) di dalam Sijil Takaful Induk sebagai pemilik. Ianya boleh terdiri daripada individu atau badan korporat. Peserta Takaful Induk mengawal Sijil Takaful Induk, melainkan Sijil Takaful Induk telah diserahkan hak.
- 1.19. "Tarikh Matang" bermaksud tarikh di mana Sijil Takaful menjadi luput, seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Individu yang dikeluarkan kepada Orang Yang Dilindungi.
- 1.20. "Akaun Pelaburan Peribadi" (PIA) bermaksud akaun di mana Sumbangan Takaful Peserta Takaful akan dikreditkan untuk produk jenis perlindungan dan pelaburan.



- 1.21. "Orang Yang Dilindungi" bermaksud orang yang dinamakan di dalam Sijil Takaful Induk sebagai orang yang dilindungi. Orang yang Dilindungi itu layak menerima manfaat di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 1.22. "Pakar Perubatan" bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar sepenuhnya atau doktor pakar berdasarkan Peruntukan 14 Akta Perubatan 1971 (Akta 50), atau mana-mana undang-undang berkaitan bagi kes di mana Pengamal Perubatan atau doktor pakar beramat di luar Malaysia, tetapi tidak termasuk pengamal perubatan atau doktor pakar yang dirinya merupakan Peserta Takaful Induk atau Orang Yang Dilindungi sendiri, pasangannya, saudara mara, rakan perniagaan, rakan sekerja, rakan sekutu atau pekerja kepada/atau majikan kepada Peserta Takaful Induk atau Orang Yang Dilindungi.
- 1.23. "Qard" bermaksud pinjaman tanpa faedah sekiranya berlaku defisit di dalam Dana Risiko.
- 1.24. "Dana Risiko" bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan Peserta-Peserta Takaful dan dalam konteks ini, dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan Peserta Takaful.
- 1.25. "Jadual Manfaat" adalah penjelasan manfaat yang dilindungi, tertakluk kepada terma dan syarat di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 1.26. "Skim" bermaksud IKHLAS Idaman.
- 1.27. "Tabarru'" bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-Peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.
- 1.28. "Takaful" bermaksud suatu persetujuan berdasarkan pertolongan secara bersama di mana Peserta Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Peserta Takaful atau beneficiari mereka apabila berlakunya keadaan yang telah dipersetujui dahulu.
- 1.29. "Perniagaan Takaful" bermaksud urusniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- 1.30. "Sumbangan Takaful" bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful Induk kepada Syarikat untuk perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful Induk termasuklah apa-apa saranan bagi fungsi dan kewajipan yang diambil alih oleh Syarikat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 1.31. "Syarikat, kami" adalah bermaksud Takaful Ikhlas Family Berhad, pengantinnya atau pemegang serah hak.
- 1.32. "Tempoh Menunggu" merujuk kepada bilangan hari seperti dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Ia bermula dari Tarikh Kuat Kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful Individu/Induk mana-mana yang kemudian.
- 1.33. "Wakalah" merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan Yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

2. KELAYAKAN

- 2.1. Tertakluk kepada kriteria penerimaan kami, mana-mana Orang Yang Dilindungi yang layak:
 - 2.1.1. yang menepati Syarat Kelayakan dan tertakluk kepada Pengecualian-pengecualian dan Endosmen seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama; dan
 - 2.1.2. adalah Ahli Yang Aktif atau dengan kepentingan boleh lindung dengan Peserta Takaful Induk;
 akan layak mendapat perlindungan takaful di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 2.2. Anda perlu memberitahu kami dalam masa tersebut yang dipersetujui dari semasa ke semasa, jika mana-mana ahli tidak lagi menjadi ahli atau pekerja anda untuk sebarang sebab, yang mana berkenaan.

3. PENYERTAAN

- 3.1. Kami mungkin meminta maklumat atau dokumen-dokumen tambahan berkenaan mana-mana Orang Yang Dilindungi yang layak yang mesti diserahkan kepada kami sebelum kami membuat keputusan sama ada untuk menerima individu tersebut untuk perlindungan takaful di bawah Sijil Takaful Induk ini. Kami mengikut budi bicara tunggal dan mutlak kami boleh menerima atau menolak mana-mana Orang Yang Dilindungi yang layak untuk perlindungan takaful di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 3.2. Perlindungan takaful untuk setiap Orang Yang Dilindungi akan bermula pada Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful Induk atau Tarikh Kuat Kuasa Individu yang berkaitan, yang mana kemudian.
- 3.3. Peserta Takaful Induk adalah pemilik mutlak Sijil Takaful Induk ini untuk kumpulan dengan kepentingan boleh lindung dan kami tidak akan mengiktiraf sebarang tuntutan atau kepentingan mana-mana individu lain selain daripada Peserta Takaful Induk



4. KONSEP SHARIAH

Skim ini menggunakan pakai konsep-konsep Syariah yang berikut:

4.1. Wakalah

- 4.1.1. Peserta Takaful Induk melantik pihak Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta Takaful Induk dan pihak Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- 4.1.2. Pihak Syarikat melantik wakil untuk mengumpul Sumbangan Takaful daripada anda. Wakil tersebut berhak menerima komisen daripada pihak Syarikat berdasarkan Sumbangan Takaful dibayar.

4.2. Tabarru'

- 4.2.1. Sumbangan Takaful akan disalurkan ke PIA Orang Yang Dilindungi dan Yuran Wakalah akan ditolak daripada PIA ke dana Pemegang Saham. Tabarru' (sumbangan) akan ditolak daripada PIA ke Dana Risiko menggunakan asas bulanan yang akan digunakan untuk membantu kesemua Orang Yang Dilindungi semasa ditimpah musibah.

4.3. Qard

- 4.3.1. Satu pembiayaan tanpa faedah daripada kami sekiranya Dana Risiko berada dalam defisit.

5. SUMBANGAN TAKAFUL DAN YURAN WAKALAH

- 5.1. Kami akan menetapkan Sumbangan Takaful yang perlu dibayar untuk perlindungan takaful bagi setiap Orang Yang Dilindungi dan Sumbangan Takaful akan dikenakan kepada anda. Setiap Sumbangan Takaful adalah tertakluk kepada Yuran Wakalah pada kadar yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Yuran Wakalah akan dibayar kepada pihak Syarikat untuk menjalankan Perniagaan Takaful.

- 5.2. Sumbangan-Sumbangan Takaful yang perlu dibayar oleh anda kepada kami atau wakil-wakil kami adalah berdasarkan Kekerapan Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Sijil Takaful Individu akan berkuat kuasa pada Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful Individu.

- 5.3. Sumbangan-Sumbangan Takaful yang berikutnya mesti dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari ("Tempoh Ehsan") pada tarikh-tarikh Sumbangan Takaful perlu dibayar berdasarkan Kekerapan Sumbangan Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

- 5.4. Pada setiap akhir Tahun Kewangan, kami akan menentukan keuntungan pelaburan dana, jika ada. Keuntungan pelaburan, selepas ditolak Yuran Prestasi Pelaburan, akan diperuntukkan semula ke dalam Akaun Pelaburan Peribadi (PIA). Yuran Prestasi Pelaburan seperti yang dinyatakan di dalam seksyen Yuran 37.

- 5.5. Amaun Sumbangan Takaful anda (bersih daripada Yuran Wakalah) yang diletakkan di dalam dana adalah tidak dijamin oleh kami. Jumlah terkumpul di dalam dana mungkin meningkat atau berkurangan daripada jumlah sumbangan Takaful anda yang diletakkan di dalam dana bergantung kepada prestasi pelaburan sebenar dana.

- 5.6. Kami berhak untuk mengkaji dan mengubah Sumbangan Takaful yang kena dibayar atau menarik balik produk dengan memberikan anda notis tiga (3) bulan sebelum ulang tahun Sijil Takaful Individu tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

5.7. Kegagalan Pembayaran

- 5.7.1. Sekiranya tiada pembayaran Sumbangan Takaful dibuat apabila tamatnya Tempoh Ehsan, pihak Syarikat mempunyai hak seperti mana yang telah dipersetujui di dalam aqad, untuk mendahulukan jumlah yang sama daripada PIA untuk membayar Tabarru'. Sijil Takaful Individu akan terus "Berkuat Kuasa Di Bawah PIA" sehingga jumlah PIA adalah kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang diperlukan untuk membayar Tabarru'. Dalam tempoh ini, Sijil Takaful Individu masih lagi berkuat kuasa.

- 5.7.2. Sekiranya Sumbangan Takaful masih tidak dibayar setelah jumlah PIA menjadi tidak mencukupi untuk melakukan pendahuluan, Sijil Takaful Individu akan luput dan ditamatkan.

5.8. Pembayaran Sumbangan Takaful Tertunggak

- Sekiranya Sumbangan Takaful tidak dibayar melebihi Tempoh Ehsan dan di dalam tempoh "Berkuat Kuasa Di Bawah PIA", jumlah daripada akaun terlibat yang telah didahulukan untuk Tabarru' semasa tempoh tidak berbayar, akan dipulangkan semula apabila pembayaran terhadap Sumbangan Takaful tertunggak dibuat.

6. DANA RISIKO PESERTA-PESERTA TAKAFUL DAN AGIHAN LEBIHAN

- 6.1. Tabarru' bulanan akan ditolak daripada PIA anda dan akan disalurkan kepada Dana Risiko.

- 6.2. Dana Risiko adalah kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan Peserta-Peserta Takaful.

- 6.3. Kami akan membayar manfaat-manfaat bagi perlindungan yang berkaitan di bawah Sijil Takaful Induk ini daripada Dana Risiko.

- 6.4. Kami akan menguruskan aset-aset Dana Risiko dan mempunyai budi bicara mutlak untuk melabur dan mengurus aset-aset tersebut berdasarkan prinsip-prinsip Shariah dan akan mengelak daripada melabur aset-aset di dalam sekuriti-sekuriti atau aset-aset yang dilarang oleh Shariah. Kami bertanggungjawab untuk sebarang kerugian di dalam Dana Risiko jika kerugian tersebut terbukti adalah disebabkan oleh kegagalan kami dalam menguruskan Dana Risiko. Kami akan menampung sebarang kerugian di dalam dana ini jika kerugian tersebut dibuktikan berlaku akibat kecuaian pengurusan dana.



- 6.5. Semua kos, perbelanjaan, caj-caj dan levi-levi untuk mengurus dan melabur aset-aset Dana Risiko dan sebarang perbelanjaan lain yang berkaitan akan ditanggung dan dibayar daripada Dana Risiko.
- 6.6. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti Dana Risiko akan dinilai pada hujung setiap Tahun Kewangan dan prinsip-prinsip aktuari akan diguna pakai untuk menyemak lebihan yang terhasil. Bayaran dan peruntukan tuntutan, kos retakaful, rizab teknikal, rizab pengstabilan dan sebarang defisit yang dibawa ke hadapan akan diambil kira apabila kami mengira sebarang lebihan yang terhasil.
- 6.7. Dana Risiko akan diuruskan oleh kami dan, pada setiap akhir Tahun Kewangan, kami akan menentukan lebihan yang diperolehi, jika ada, dari dana ini. Lebihan boleh-agih bersih selepas ditolak Caj Pengurusan Lebihan (SAC) akan dimasukkan semula ke dalam Dana Individu Peserta. Caj Pengurusan Lebihan (SAC) seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 37.
- 6.8. Jika Dana Risiko berada dalam keadaan defisit, kami akan menyediakan Qard daripada dana-dana pemegang saham untuk membetulkan defisit tersebut. Lebihan yang terhasil daripada Dana Risiko pada masa hadapan akan digunakan untuk membayar balik Qard sebelum sebarang agihan lebihan yang terhasil dibuat.
- 6.9. Kami berhak untuk mengkaji dan mengubah Tabarru' dengan memberikan anda notis tiga (3) bulan sebelum ulang tahun Sijil Takaful Individu.

7. PENGELUARAN SEBAHAGIAN TUNAI

Pengeluaran sebahagian tunai daripada amaun terkumpul di dalam PIA adalah dibenarkan apabila Sijil Takaful Individu mencapai tempoh minima sekurang-kurangnya tiga (3) tahun. Bagi setiap Sijil Takaful Individu, hanya tiga (3) kali pengeluaran dibenarkan sepanjang tempoh hayat Orang Yang Dilindungi di mana tempoh minima antara setiap pengeluaran adalah selang tiga (3) tahun. Amaun pengeluaran yang dibenarkan adalah maksima tiga puluh peratus (30%) daripada PIA untuk setiap pengeluaran. Setiap pengeluaran akan dikenakan Pengeluaran Sebahagian Tunai seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 37.

8. TEMPOH BERTENANG

- 8.1. Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Induk ini dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Induk ini dihantar kepada anda. Untuk tujuan ini, kami akan menganggap Sijil Takaful Induk ini telah dihantar kepada anda pada tarikh anda menerima Sijil Takaful Induk ini. Sijil Takaful Induk ini akan hanya dianggap telah dipulangkan kepada kami pada tarikh ia diterima oleh kami.
- 8.2. Jika Sijil Takaful Induk ini ditamatkan semasa Tempoh Bertenang, kami akan memulangkan Sumbangan Takaful yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh kami untuk sebarang pengunderitan yang diperlukan untuk mengeluarkan Sijil Takaful Induk ini.

9. HAD PERLINDUNGAN PERCUMA

- 9.1. Amaun Perlindungan yang melebihi Had Perlindungan Percuma seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama boleh diterima tertakluk kepada:
 - 9.1.1. bukti kelayakan yang memuaskan kami; dan/atau
 - 9.1.2. keputusan pemeriksaan perubatan ke atas Orang Yang Dilindungi yang memuaskan kami.
 Kami akan memberitahu anda sekiranya Orang Yang Dilindungi perlu menjalani pemeriksaan perubatan.
- 9.2. Jika Amaun Perlindungan adalah kurang daripada Had Perlindungan Percuma, Orang Yang Dilindungi tidak perlu untuk menjalani pemeriksaan perubatan.
- 9.3. Jika Orang Yang Dilindungi tidak menjalani pemeriksaan perubatan yang diperlukan seperti yang diminta oleh kami, Amaun Perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi akan bersamaan sehingga Had Perlindungan Percuma sahaja.
- 9.4. Jika kami tidak berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan perubatan Orang Yang Dilindungi, kami di atas budi bicara mutlak akan menghadkan Amaun Perlindungan kepada Had Perlindungan Percuma.
- 9.5. Jika tiada penerimaan bertulis oleh kami, Amaun Perlindungan adalah terhad sehingga Had Perlindungan Percuma dan kadar Sumbangan Takaful adalah berdasarkan amaun ini.
- 9.6. Semua peperiksaan perubatan yang ditetapkan oleh kami akan dijalankan oleh pengamal perubatan yang diluluskan oleh kami. Kos pemeriksaan perubatan akan ditanggung oleh kami.

10. ASAS SIJIL TAKAFUL INDUK DAN KETIDAKPERTIKAIAN

- 10.1. Sijil Takaful Induk ini dikeluarkan berdasarkan dan bersandarkan kepada maklumat yang dinyatakan di dalam borang cadangan bersama-sama dengan semua perisyntaran, maklumat perubatan dan lain-lain dokumen/ maklumat yang telah diberikan oleh Peserta Takaful Induk dan Orang Yang Dilindungi.



- 10.2. Kami tidak akan membayar sebarang manfaat takaful jika pernyataan, bukti perubatan dan dokumen-dokumen/maklumat didapati palsu, tidak benar dan tidak lengkap dan ianya dibuat atau tidak dinyatakan dengan niat untuk melakukan penipuan.
- 10.3. Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

11. SERAH HAK

Manfaat takaful di bawah Sijil Takaful Induk ini tidak akan tertakluk kepada mana-mana serah hak.

12. PINDAAN KEPADA SIJIL TAKAFUL INDUK INI

Sijil Takaful Induk ini boleh dipinda atau diubah oleh kami pada bila-bila masa dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada Peserta Takaful Induk atau apabila Peserta Takaful Induk membuat permohonan secara bertulis dan dipersetujui oleh kami, tanpa meminta sebarang persetujuan daripada Orang Yang Dilindungi. Sebarang pindaan atau perubahan kepada Sijil Takaful Induk ini akan meliputi semua Orang Yang Dilindungi sama ada dilindungi di bawah Sijil Takaful Induk ini sebelum, pada atau selepas tarikh pindaan atau perubahan tersebut berkuat kuasa. Kami akan menghantar Endosmen berkaitan dengan pindaan atau perubahan kepada Peserta Takaful Induk dan ia menjadi tanggungjawab Peserta Takaful Induk untuk memaklumkan kepada semua Orang-Orang Yang Dilindungi mengenai pindaan atau perubahan tersebut.

13. SALAH NYATAAN UMUR DAN JANTINA

- 13.1. Sekiranya umur atau jantina Orang Yang Dilindungi telah di salah nyatakan, sebarang manfaat Takaful akan dibayar secara pro rata daripada Sumbangan Takaful yang telah dibayar yang mana sepatutnya dibayar berdasarkan umur dan jantina sebenar. Kami akan memulangkan semula Sumbangan Takaful yang telah dibayar tanpa sebarang faedah.
- 13.2. Sekiranya Kami tidak mempunyai kadar yang sama dengan umur dan jantina sebenar dan kami seterusnya tidak dapat mengeluarkan Sijil Takaful Induk, Sijil Takaful Induk tersebut akan terbatal. Kami akan memulangkan semula Sumbangan Takaful yang telah dibayar tanpa sebarang faedah.
- 13.3. Jika Sumbangan Takaful dibayar adalah sebagai contoh, RM800 tetapi Sumbangan Takaful yang betul adalah sebagai contoh, RM1,000. Apabila berlaku tuntutan dan jumlah tuntutan yang perlu dibayar ialah RM10,000, maka kami akan membayar $(800/1000) \times 10,000 = RM8,000$.

14. REKOD

- 14.1. Pihak Syarikat akan menyimpan rekod kesemua maklumat dan data yang relevan berkenaan Orang Yang Dilindungi.
- 14.2. Pihak Syarikat melalui pegawai yang diberi kuasa, mempunyai hak untuk memeriksa kesemua buku dan rekod Peserta Takaful Induk berkenaan dengan perlindungan di bawah Sijil Takaful Induk ini.
- 14.3. Peserta Takaful Induk hendaklah memaklumkan kepada pihak Syarikat mengenai sebarang perubahan penting rekod termasuklah sekiranya terdapat perubahan alamat Peserta Takaful Induk, Orang Yang Dilindungi, atau penama.

15. KEADAAN SEDIA ADA

- 15.1. Keadaan Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Dilindungi sebelum tarikh kuat kuasa Takaful. Orang Yang Dilindungi mungkin dianggap mengetahui sewajarnya sesuatu Keadaan Sedia Ada, di mana keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana-
 - 15.1.1. Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan; atau
 - 15.1.2. Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau
 - 15.1.3. Tanda-tanda yang ketara dan jelas atau telah terbuktii; atau
 - 15.1.4. Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.
- 15.2. Manfaat Takaful akan dibayar jika kematian adalah disebabkan Keadaan Sedia Ada dengan syarat semasa kematian:
 - 15.2.1. Orang Yang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada bilangan bulan seperti dinyatakan di Jadual Pertama. Ia bermula dari Tarikh Kuat Kuasa perlindungan Takaful; dan
 - 15.2.2. Orang Yang Dilindungi telah didedahkan dengan sewajarnya terhadap Kecederaan atau penyakit tersebut.

16. MATANG

Apabila Sijil Takaful Individu mencapai tempoh matang, jumlah terkumpul di dalam PIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada Peserta Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi. Manfaat ini tidak dijamin.



17. SERAHAN SIJIL TAKAFUL INDIVIDU

Orang Yang Dilindungi boleh menyerahkan Sijil Takaful Individu pada bila-bila masa secara bertulis kepada pihak Syarikat melalui Peserta Takaful Induk. Jumlah terkumpul di dalam PIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada kepada Peserta Takaful Induk untuk diserahkan kepada Orang Yang Dilindungi. Amaun penyerahan yang akan dibayar adalah tertakluk kepada Yuran Penyerahan seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 37 dan manfaat ini tidak dijamin.

18. PENAMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL UNTUK ORANG YANG DILINDUNGI

- 18.1. Perlindungan Takaful untuk Orang Yang Dilindungi akan ditamatkan secara automatik dan serta-merta:
 - 18.1.1. selepas Tarik Luput Sijil Takaful Individu seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama;
 - 18.1.2. apabila kami telah menerima arahan daripada Peserta Takaful Induk untuk menamatkan perlindungan tersebut;
 - 18.1.3. apabila tiada bayaran Sumbangan Takaful yang menyebabkan Sijil Takaful Individu luput;
 - 18.1.4. apabila ianya ditamatkan di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Sijil Takaful Induk ini; yang mana terdahulu.
- 18.2. Perlindungan takaful untuk Orang Yang Dilindungi akan ditamatkan dengan serta merta pada tarikh beliau tidak menepati Syarat Kelayakan di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk ini, kecuali Orang Yang Dilindungi telah memilih untuk meneruskan perlindungan berkuat kuasa mengikut peraturan Pilihan Penerusan di bawah seksyen 20.
- 18.3. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang manfaat takaful yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi selepas beliau tidak menepati Syarat Kelayakan di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk ini.

19. PENAMATAN SIJIL TAKAFUL INDUK

- 19.1. Sijil Takaful Induk ini akan ditamatkan:
 - 19.1.1. apabila tamat tempoh tiga puluh (30) hari notis bertulis pembatalan sama ada daripada Peserta Takaful Induk atau daripada kami kepada pihak yang lain;
 - 19.1.2. apabila ianya ditamatkan di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Sijil Takaful Induk ini; yang mana terdahulu.
- 19.2. Apabila Sijil Takaful Induk ini ditamatkan di bawah seksyen 19.1.1 di atas, perlindungan takaful untuk Orang Yang Dilindungi yang telah bermula sebelum penamatan tersebut akan diteruskan tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful Induk ini, sehingga ia luput/ ditamatkan menurut syarat-syarat khas seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- 19.3. Penamatan Sijil Takaful Induk ini tidak akan menjadikan apa-apa tuntutan atau hak-hak yang layak sebelum penamatan tersebut.

20. PILIHAN PERTUKARAN DAN PENERUSAN

- 20.1. Sekiranya berlaku "Kedaan yang membenarkan Pertukaran" seperti yang ditakrif bagi Orang Yang Dilindungi yang merupakan ahli kepada Peserta Takaful Induk, Orang Yang Dilindungi boleh memilih untuk meneruskan perlindungan untuk dirinya atau pasangan atau anaknya, yang mana berkenaan, dengan membayar Sumbangan Takaful Tahunan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh Kedaan yang membenarkan Pertukaran dibuat, dan notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat.
- 20.2. Kedaan yang membenarkan Pertukaran untuk Orang Yang Dilindungi adalah ditakrif apabila Orang Yang Dilindungi meletak jawatan sebagai ahli kepada Peserta Takaful Induk.

21. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

22. TUNTUTAN

Kami tidak akan membayar apa-apa tuntutan di bawah Sijil Takaful Induk ini melainkan perkara berikut dipatuhi:

- 22.1. Pemberitahuan sebarang tuntutan bagi manfaat di bawah Sijil Takaful Induk ini bersama-sama dengan dokumen-dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh kami termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan oleh pengamal perubatan hendaklah dikemukakan kepada ibu pejabat kami di Kuala Lumpur dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya keadaan yang dilindungi.
- 22.2. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk menjelaskan sebab notis tersebut.



23. PENAMA

Penama adalah seperti yang dinyatakan di dalam borang penama, melainkan sekiranya ia ditukar kemudian, adalah orang yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi untuk bertindak sebagai pemegang amanah untuk melaksanakan pembayaran manfaat kematian serta-merta. Orang Yang Dilindungi boleh membatalkan perlantikan penama yang dinamakan di sini dan melantik penama lain melalui notis bertulis kepada pihak Syarikat, dan untuk kejadian itu perubahan terhadap penama dianggap berkuat kuasa dari tarikh bila pihak Syarikat menerima notis bertulis berkenaan.

24. HIBAH

Cadangan penerima hibah adalah seperti mana yang dinyatakan di dalam borang cadangan hibah, adalah orang yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi, melainkan sekiranya ia ditukar kemudian, untuk menerima manfaat kematian di dalam kes Orang Yang Dilindungi meninggal dunia sebelum Sijil Takaful Individu matang.

25. RETAKAFUL

Kita boleh mendapatkan dan menguruskan retakaful dari mana-mana pengendali takaful semula yang kami anggap perlu dan sesuai dan berkenaan dengan perlindungan takaful yang diberikan di bawah Sijil Takaful Induk ini.

26. PENGUATKUASAAN SEMULA SIJIL TAKAFUL INDIVIDU

26.1. Sekiranya Sumbangan Takaful tidak dibayar melebihi Tempoh Ehsan, Sijil Takaful Individu dan/ atau perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi akan ditamatkan. Walauapapun yang dinyatakan sebaliknya, Sijil Takaful Individu dan/ atau perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi, yang mana berkenaan, boleh dikuatkuasakan semula di atas pertimbangan pihak Syarikat berdasarkan syarat-syarat berikut:

26.1.1. Permohonan bertulis untuk penguatkuasaan semula; Pemberian bukti kelayakan untuk menyertai skim ini yang memuaskan pihak Syarikat daripada Orang Yang Dilindungi yang telah gagal membayar Sumbangan Takaful selama enam (6) bulan;

26.1.2. Pembayaran semua Sumbangan Takaful tertunggak.

26.1.3. Tiada tuntutan berlaku di antara Tarikh Efektif pelindungan Orang Yang Dilindungi dan tarikh penguatkuasaan semula, dengan syarat penguatkuasaan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penamatan.

26.2. Bukti kelayakan Orang Yang Dilindungi untuk menyertai skim ini termasuklah borang deklarasi kesihatan yang lengkap yang memuaskan pihak Syarikat. Sebarang penguatkuasaan semula tertakluk kepada Yuran Penguatkuasaan Semula seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 37.

26.3. Bagi sebarang Sijil Takaful Individu yang berjaya dikuatkuasakan semula, jumlah akaun yang telah didahulukan untuk Dana Risiko semasa tempoh tidak berbayar akan dibayar semula.

26.4. Tiada penguatkuasaan semula dibenarkan selepas tempoh dua belas (12) bulan penamatan Sijil Takaful Individu.

27. PRA-SYARAT TANGGUNGAN KEPADA LIABILITI

Anda mestilah memerhati dan mematuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk ini dalam usaha kami untuk bertanggungjawab di bawah Sijil Takaful Induk ini.

28. UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR

Sijil Takaful Induk ini hendaklah ditafsirkan dan ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Apa-apa tindakan atau guaman terhadap kami hanya boleh dimulakan di mahkamah Malaysia.

29. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN SECARA HARAM

Jika kami mengetahui atau mengesyaki dengan sebab yang berbasas, bahawa Sijil Takaful Induk ini digunakan untuk tujuan aktiviti wang haram dan/atau untuk membayai keganasan, kami berhak untuk menamatkan perlindungan ini dengan serta merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan Takaful yang telah dibayar dan semua manfaat/jumlah yang perlu dibayar berkenaan Sijil Takaful Induk ini, menerusi apa cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

30. PENIPUAN DAN SALAH KENYATAAN

Sekiranya Peserta Takaful Induk atau Orang Yang Dilindungi memberi maklumat, butir-butir atau pengisyiharan atau membuat tuntutan yang tidak betul, palsu atau tidak jelas samada dengan niat menipu atau sebaliknya, perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful Induk ini akan menjadi tidak sah dan terbatal.

31. KESALAHAN PENGURUSAN ATAU KECUAIAN OLEH SYARIKAT

Sekiranya berlaku kecuaian atau salah urus oleh kami sehingga mengakibatkan kerugian kepada anda, kami akan merekodifikasi kerugian anda dengan sewajarnya.

32. MATA WANG UNTUK PEMBAYARAN

Semua pembayaran yang anda buat kepada kami atau kami kepada anda, hendaklah dalam Ringgit Malaysia.



33. PENDEDAHAN MAKLUMAT

Anda memberi kebenaran kepada kami untuk mendedahkan, pada budi bicara kami, maklumat dan dokumen berkaitan dengan Sijil Takaful Induk ini kepada/untuk:

- 33.1. waris kadim/penama anda/pentadbir/wasi/pewaris/pegum cara yang mewakili mereka untuk tujuan memohon sebarang perintah mahkamah berkenaan dengan harta pusaka anda;
- 33.2. kepada mana-mana pihak atau pegum cara yang mewakili pihak yang telah mendapat perintah mahkamah berkenaan dengan Sijil Takaful Induk ini;
- 33.3. penerima dan pengurus yang dilantik oleh mana-mana pemegang debentur Orang Yang Dilindungi korporat, penyelesai, pemegang serah hak rasmii/penerima rasmii Orang Yang Dilindungi yang bankrap;
- 33.4. BNM/pengawal selia/pihak berkuasa yang bertindak di bawah kuasa yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang;
- 33.5. persatuan/organisasi industri takaful yang mana kami merupakan ahli;
- 33.6. pengantarapengantara takaful/ejen-ejen/ajuster-ajuster kerugian yang dilantik oleh kami;
- 33.7. pengantarapengantara takaful/ejen-ejen dan broker-broker yang dilantik oleh anda;
- 33.8. tujuan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan Sijil Takaful Induk ini;
- 33.9. polis/badan penyiasat yang lain untuk:
 - 33.9.1. penyerahan laporan berkaitan oleh kami;
 - 33.9.2. penyiasatan untuk sebarang jenayah (termasuk pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembayaan keganasan);
 - 33.9.3. pencegahan jenayah;
- 33.10. badan-badan berkanun, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan bagi mereka melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas mereka;
- 33.11. vendor kami, pembekal perkhidmatan, perunding-perunding, penasihat profesional luar yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan fungsi-fungsi, tugas-tugas dan tanggungjawab kepada kami;
- 33.12. mana-mana pihak yang mana pada masa hadapan mungkin berminat untuk mengambil alih kepentingan/menjadi pemegang saham/menurut mana-mana susunan, komposisi, gabungan, pengambil-alihan/penyusunan semula yang dicadangkan di antara kami dan pihak-pihak tersebut;
- 33.13. mana-mana pihak luar yang diperlukan untuk sebarang latihan korporat, aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh kami;
- 33.14. Syarikat-Syarikat, Kumpulan MNRB untuk tujuan perkhidmatan sumber luar oleh kami dan untuk perkhidmatan yang dikongsi/berpusat seperti audit dalaman, pengurusan risiko, undang-undang, kewangan, informasi teknologi dan pematuhan.

34. PRIVASI

Anda dengan ini secara muktamad bersetuju, mewakili, membenarkan dan mengesahkan kepada kami bahawa anda telah mendapatkan persetujuan para pengarah, penandatangan yang diberi kuasa dan pegawai untuk kami:

- 34.1. menyediakan maklumat yang diperlukan oleh kami untuk kegunaan Skim ini;
- 34.2. memaklumkan kepada pengarah, pemegang saham, penandatangan yang diberi kuasa dan pegawai, maklumat mengenai produk dan perkhidmatan daripada kami yang mungkin memberi manfaat kepada mereka. Anda bersetuju untuk memaklumkan kepada kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat peribadi yang berkaitan dengan para pengarah, penandatangan yang diberi kuasa dan pegawai.

35. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tidak termasuk cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

36. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

37. YURAN-YURAN DAN CAJ-CAJ

Bahagian ini menjelaskan dengan lebih lanjut bagi yuran dan caj yang dikenakan kepada anda.

- | | |
|--------------------------------------|---|
| 37.1. Yuran Wakalah | : Yuran Wakalah ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama. |
| 37.2. Yuran Penyerahan* | : RM50** |
| 37.3. Yuran Pengukuasaan Semula* | : RM15** |
| 37.4. Duti Setem | : RM10 |
| 37.5. Yuran Pelaburan Peribadi (IPF) | : 30% daripada pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada PIA sebagai pulangan kerana menguruskan PIA.** |
| 37.6. Caj Pengurusan Lebihan (SAC) | : 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirknya Tahun Kewangan Syarikat kerana menguruskan Dana Risiko** |

* Yuran ini mungkin tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya.

** Sekiranya berkenaan.

Kami mempunyai hak untuk mengkaji dan menyemak semula semua yuran dan caj di bawah seksyen ini dengan memberi tiga puluh (30) hari notis kepada anda.



JADUAL KETIGA MANFAAT KEMATIAN

1. MANFAAT KEMATIAN

- 1.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 1.2. Manfaat Kematian diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 1.3. Manfaat Kematian yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Manfaat kematian ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.
- 1.4. Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat sebab yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk, kami akan membayar manfaat Kematian dan baki di dalam PIA sekali gus ditolak apa-apa jumlah yang dibayar untuk Manfaat Dipercepatkan yang lain, jika ada, dan apa-apa amaun tertinggak yang perlu dibayar kepada kami.
- 1.5. Kami akan bayar manfaat Kematian kepada:
 - 1.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 1.5.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.

2. PROSEDUR TUNTUTAN

- 2.1. Pemberitahuan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang menyebabkan tuntutan. Sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan, notis segera mesti diberikan kepada pihak Syarikat.
- 2.2. Kegagalan memberikan notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan jika terdapat bukti yang mencukupi telah tidak dilaksanakan dengan munasabah untuk memberikan notis itu dan bahawa notis itu telah diberikan dengan segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.
- 2.3. Pihak Syarikat, apabila menerima notis tuntutan, akan memberi kepada penuntut borang yang sesuai untuk memfaillkan bukti tuntutan dan hendaklah memberitahu pihak menuntut apa-apa keperluan lain. Ini tidak menghalang Syarikat daripada meminta dokumen yang selanjutnya berkaitan dengan kerugian itu yang dianggap sesuai oleh Syarikat. Bukti tuntutan perlu dikemukakan oleh pihak yang menuntut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari.

3. PENGECAULIAN-PENGECAULIAN

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 3.1. **Akibat Semulajadi (jika diguna pakai)**
 - 3.1.1. Memburi diri, sama ada waras atau tidak; atau
 - 3.1.2. Disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarluaskan secara seksual; atau
 - 3.1.3. Keadaan Sedia Ada jika diguna pakai seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama)
- 3.2. **Akibat Kemalangan (jika diguna pakai)**
 - 3.2.1. Orang Yang Dilindungi melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, felonii atau atau sebarang perlenggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi;
 - 3.2.2. Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;
 - 3.2.3. Membumi diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siuman atau tidak;
 - 3.2.4. Peperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
 - 3.2.5. Perkhidmatan ketenteraan atau laut semasa peperangan sama ada diisyiharkan atau tidak atau semasa diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraman awam;
 - 3.2.6. Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
 - 3.2.7. Perlenggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
 - 3.2.8. Perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
 - 3.2.9. Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada yang perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
 - 3.2.10. Sebarang penyakit atau wabak disebabkan oleh ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau Kecederaan akibat Kemalangan);
 - 3.2.11. Menghidu racun, gas atau bahan berwaspada (secara disengaja atau tidak);
 - 3.2.12. Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersial sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;
 - 3.2.13. Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi, atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan denganannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya.



JADUAL KEEMPAT

MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL

1. "AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN" BERMAKSUD:

- 1.1. Pemindahan – duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- 1.2. Pergerakan – keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- 1.3. Perihal mengawal – keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;
- 1.4. Pemakaian – memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- 1.5. Mandi/ membersihkan diri – keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain;
- 1.6. Makan – kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

2. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

- 2.1. Selagi Sijil Induk ini berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sekiranya Orang Yang Dilindungi, sebelum mencapai umur enam puluh enam (66) tahun (hari jadi akan datang), mengalami HUMK atas sebab-sebab semulajadi dan kematangan seperti yang ditakrifkan seterusnya di sini, dan hilang upaya tersebut kekal secara berterusan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan, maka manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil Induk ini adalah manfaat yang perlu dibayar jika kematian berlaku pada tarikh hilang upaya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - 2.1.1. Sebaik saji mengalami HUMK, butiran penuh mengenainya mesti dimaklumkan secara bertulis kepada ibu pejabat Takaful Ikhlas Family Berhad, bersama dengan alamat dan kedudukan Orang Yang Dilindungi, dan, dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mengalami HUMK tersebut.
 - 2.1.2. Mana-mana Pegawai Perubatan pihak Syarikat hendaklah dibenarkan untuk memeriksa Orang Yang Dilindungi berkaitan dengan hilang upaya yang didakwa dengan cara dan pada masa yang diperlukan oleh Pegawai Perubatan.
 - 2.1.3. Jika terdapat kegagalan mematuhi mana-mana daripada peruntukan di atas, tiada tuntutan disebabkan HUMK akan timbul atau menjadi sah atau boleh dikuat kuasakan.
 - 2.1.4. Hilang upaya yang dirujuk di atas mestilah bersifat menyeluruh dan kekal, dan pada masa itu atau pada bila-bila selepas itu, Peserta tidak boleh melakukan atau menjalankan sebarang kerja, penggajian atau profesi untuk meraih atau mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan.
- 2.2. Kejadian mana-mana yang berikut juga akan dianggap sebagai HUMK:
 - 2.2.1. Kehilangan penglihatan penuh dan tidak boleh pulih pada kedua-dua belah mata; atau Kehilangan tidak boleh pulih dua atau lebih anggota menerusi amputasi pada atau di atas pergelangan tangan dan buku lali;
 - 2.2.2. Kehilangan penglihatan penuh dan tidak boleh pulih sebelah (1) mata dan kehilangan tidak boleh pulih satu (1) anggota menerusi amputasi pada atau di atas pergelangan tangan dan buku lali;
 - 2.2.3. Lumpuh sepenuhnya yang tidak boleh pulih.
 - 2.2.4. Sekiranya HUMK berlaku disebabkan oleh mana-mana empat (4) syarat di atas, pembayaran manfaat akan dibuat serta-merta.
- 2.3. Keadaan berikut juga akan dianggap sebagai HUMK:
 - 2.3.1. Kehilangan sepenuhnya penglihatan dan tidak boleh pulih pada kedua-dua belah mata.
 - 2.3.2. Kehilangan dua anggota akibat terputus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.
 - 2.3.3. Kehilangan sepenuhnya penglihatan dan tidak boleh pulih pada sebelah mata dan kehilangan mana-mana satu anggota akibat terputus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa hilang upaya tersebut mestilah tidak disebabkan secara langsung atau tidak langsung:

 - 2.3.4. oleh sebarang kecederaan badan yang disengajakan, sama ada semasa siuman atau tidak siuman;
 - 2.3.5. oleh sebarang gangguan saraf atau penyakit mental;
 - 2.3.6. oleh penerangan dalam pesawat (kecuali sebagai anak kapal atau penumpang biasa yang membayar tambang, dalam penerangan terjadual biasa sebuah syarikat penerangan komersial); atau;
 - 2.3.7. oleh apa jua yang berlaku sebagai anggota angkatan tentera, polis dan angkatan separa tentera akibat perperangan yang diisyitiharkan atau tidak, kekacauan atau gangguan awam.
- 2.4. Walau demikian tanpa apa-apa percanggahan berkaitan dengan Sijil Takaful Induk ini, jumlah maksimum Amaun Perlindungan HUMK boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful Individu yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Orang Yang Dilindungi haruslah tidak melebihi Ringgit Malaysia dua juta (RM2,000,000).

3. MANFAAT HUMK

- 3.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 3.2. Manfaat HUMK di dalam jadual ini adalah Manfaat Dipercepatkan. Manfaat HUMK diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 3.3. Manfaat HUMK yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Manfaat HUMK ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.



- 3.4. Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK akibat sebab yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk, kami akan membayar manfaat HUMK sekali gus ditolak apa-apa jumlah yang dibayar untuk Manfaat Dipercepatkan yang lain, jika ada, dan apa-apa amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada kami.
- 3.5. Kami akan bayar manfaat HUMK kepada:
 - 3.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 3.5.2. Pihak menutut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.
- 3.6. Kami mempunyai hak, pada tempoh yang munasabah, untuk meminta bukti penerusan HUMK. Anda dikehendaki untuk mengemukakan bukti menggunakan perbelanjaan anda atau Orang Yang Dilindungi itu sendiri.

4. PENAMATAN MANFAAT HUMK

Peruntukan bagi manfaat HUMK ini kepada mana-mana Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi akan tamat dengan sendirinya:-

- 4.1. pada Tarikh Matang seperti yang terdapat pada Jadual Pertama; atau
- 4.2. apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 4.3. apabila serahan Sijil Takaful Individu dibuat; atau
- 4.4. selepas pembayaran manfaat HUMK dibuat ke atas Orang Yang Dilindungi; atau
- 4.5. apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun, yang mana terdahulu.

5. PROSEDUR TUNTUTAN

- 5.1. Pemberitahuan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang menyebabkan tuntutan.
- 5.2. Kegagalan memberikan notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan jika terdapat bukti yang mencukupi telah tidak dilaksanakan dengan munasabah untuk memberikan notis itu dan bahawa notis itu telah diberikan dengan segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.
- 5.3. Tiada manfaat akan menjadi perlu dibayar berkenaan dengan HUMK kecuali atau sehingga pihak Syarikat telah diberitahu seperti yang disebut terdahulu dan semua dokumen dan maklumat yang diperlukan telah diserahkan kepada Syarikat. Jika diperlukan oleh Syarikat, Orang Yang Dilindungi hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan oleh panel Pakar Perubatan berkelayakan dan didaftarkan sewajarnya yang diluluskan oleh Syarikat dan rawatan perubatan dan pembedahan seperti panel Pakar Perubatan yang diakui yang difikirkan perlu.
- 5.4. **Tempoh Menunggu bagi HUMK**
 - 5.4.1. Tempoh Menunggu enam (6) bulan diguna pakai ke atas tuntutan HUMK.
 - 5.4.2. Untuk penguatkuasaan semula, Tempoh Menunggu akan bermula daripada tarikh penguatkuasaan semula yang terakhir.


6. PENGECAULIAN-PENGECAULIAN

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 6.1. **Akibat Semulajadi (jika diguna pakai)**
 - 6.1.1. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak;
 - 6.1.2. Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisyiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ali peperangan atau pemulihan perintah awam;
 - 6.1.3. Memasuki, mengendali atau menyelenggarakan, menaiki atau menuruni dari atau dengan sebarang peralatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan atau Orang Yang Dilindungi menjadi penumpang kapal terbang berlesen atau helikopter yang menyediakan perkhidmatan ke kawasan yang fiada perkhidmatan penerbangan biasa;
 - 6.1.4. Jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang penyakit yang disebarluaskan secara seksual;
 - 6.1.5. Semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Pakar Perubatan yang berdaftar;
 - 6.1.6. Jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah;
 - 6.1.7. Jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggunaan kuasa atau keeganasan dan/atau ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan, dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan awam dalam ketakutan;
 - 6.1.8. Semua Keadaan Sedia Ada, dan/atau sebarang keadaan yang timbul/wujud daripadanya kecuali ianya telah diberitahu serta diterima secara bertulis oleh pihak Syarikat sebelum perlindungan berkuat kuasa.
- 6.2. **Akibat Kemalangan (jika diguna pakai)**
 - 6.2.1. Orang Yang Dilindungi melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, felonii atau atau sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi;



- 6.2.2. Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- 6.2.3. Membunuh diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siuman atau tidak;
- 6.2.4. Peperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
- 6.2.5. Perkhidmatan ketenteraan atau laut semasa peperangan sama ada diisyiharkan atau tidak atau semasa diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraman awam;
- 6.2.6. Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
- 6.2.7. Perlanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
- 6.2.8. Perlumbaan selain daripada menggunakan kak;
- 6.2.9. Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada yang perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
- 6.2.10. Sebarang penyakit atau wabak disebabkan oleh ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau Kecederaan akibat Kemalangan);
- 6.2.11. Menghidu racun, gas atau bahan berwaspada (secara disengajakan atau tidak);
- 6.2.12. Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersial sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;
- 6.2.13. Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi, atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan dengannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya.



JADUAL KELIMA

MANFAAT HILANG UPAYA SEPARA KEKAL

1. MANFAAT HILANG UPAYA SEPARA KEKAL (PPD)

- 1.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 1.2. Manfaat PPD di dalam jadual ini adalah Manfaat Dipercepatkan. Manfaat PPD diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 1.3. Manfaat PPD yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda tertakluk kepada Jadual Pampasan di bawah. Manfaat PPD ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.

1.3.1. Jadual Pampasan

Keterangan Kecederaan	Peratus Pampasan
Kehilangan penglihatan kedua-dua disembuhkan mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan pergelangan dari paras atau di atas	100%
Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan penglihatan sebelah	100%
Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah belah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di	100%
Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada kedua-dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
Kehilangan penuh daya pertuturan yang tidak dapat disembuhkan	50%
Hilang:-	
a) Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b) Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
c) Ibu jari:	
i) kedua-dua ruas	25%
ii) satu ruas	10%
d) Jari telunjuk:	
i) ketiga-tiga ruas	10%
ii) dua ruas	8%
iii) satu ruas	4%
e) Jari tengah:	
i) ketiga-tiga ruas	6%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
f) Jari manis:	
i) ketiga-tiga ruas	5%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
g) Jari kelingking:	
i) ketiga-tiga ruas	4%
ii) dua ruas	3%
iii) satu ruas	2%
h) Metacarpi:	
i) pertama atau kedua	3%
ii) ketiga, keempat atau kelima	2%
i) Jari kaki:	
i) kesemua jari sebelah kaki	15%
ii) kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
iii) satu ruas ibu jari kaki	2%
iv) selain dari ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap-tiap satu	1%

- 1.4. Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami PPD akibat sebab yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk, kami akan membayar manfaat PPD mengikut Jadual Pampasan, ditolak apa-apa jumlah yang dibayar untuk Manfaat Dipercepatkan yang lain , jika ada, dan apa-apa amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada kami.



- 1.5. Pembayaran agregat manfaat PPD hendaklah tidak melebihi satu ratus peratus (100%) daripada Amaun Perlindungan PPD di dalam Jadual Manfaat bagi Kecederaan, Penyakit atau wabak dari sumber yang sama.
- 1.6. Kami akan bayar manfaat PPD kepada:
 - 1.6.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 1.6.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.
- 1.7. Kami mempunyai hak, pada tempoh yang munasabah, untuk meminta bukti penerusan PPD. Anda dikehendaki untuk mengemukakan bukti menggunakan perbelanjaan anda atau Orang yang Dilindungi itu sendiri.

2. PENAMATAN MANFAAT PPD

Peruntukan bagi manfaat PPD ini kepada mana-mana Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi akan tamat dengan sendirinya:-

- 2.1. pada Tarikh Matang seperti yang terdapat pada Jadual Pertama; atau
- 2.2. apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 2.3. apabila serahan Sijil Takaful Individu dibuat; atau
- 2.4. selepas pembayaran penuh 100% manfaat PPD dibuat ke atas Orang Yang Dilindungi; atau
- 2.5. apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun, yang mana terdahulu.

3. PROSEDUR TUNTUTAN

- 3.1. Pemberitahuan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang menyebabkan tuntutan.
- 3.2. Kegagalan memberikan notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan jika terdapat bukti yang mencukupi telah tidak dilaksanakan dengan munasabah untuk memberikan notis itu dan bawahu notis itu telah diberikan dengan segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.
- 3.3. Tiada manfaat akan menjadi perlu dibayar berkenaan dengan PPD kecuali atau sehingga pihak Syarikat telah diberitahu seperti yang disebut terdahulu dan semua dokumen dan maklumat yang diperlukan telah diserahkan kepada Syarikat. Jika diperlukan oleh Syarikat, Orang Yang Dilindungi hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan oleh panel Pakar Perubatan berkelayakan dan didaftarkan sewajarnya yang diluluskan oleh Syarikat dan rawatan perubatan dan pembedahan seperti panel Pakar Perubatan yang diakui yang difikirkan perlu.

4. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami PPD secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 4.1. **Akibat Semulajadi (jika diguna pakai)**
 - 4.1.1. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak;
 - 4.1.2. Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisyiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam;
 - 4.1.3. Memasuki, mengendali atau menyelenggarakan, menaiki atau menuruni dari atau dengan sebarang peralatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan atau Orang Yang Dilindungi menjadi penumpang kapal terbang berlesen atau helikopter yang menyediakan perkhidmatan ke kawasan yang tiada perkhidmatan penerbangan biasa;
 - 4.1.4. Jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang penyakit yang disebarluaskan secara seksual;
 - 4.1.5. Semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Pakar Perubatan yang berdaftar;
 - 4.1.6. Jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah;
 - 4.1.7. Jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggunaan kuasa atau keganasan dan/atau ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan, dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan awam dalam ketakutan;
 - 4.1.8. Semua Keadaan Sedia Ada, dan/atau sebarang keadaan yang timbul/wujud daripadanya kecuali ianya telah diberitahu serta diterima secara bertulis oleh pihak Syarikat sebelum perlindungan berkuat kuasa.
- 4.2. **Akibat Kemalangan (jika diguna pakai)**
 - 4.2.1. Orang Yang Dilindungi melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, felonii atau atau sebarang perlanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi;
 - 4.2.2. Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;
 - 4.2.3. Membunuh diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siuman atau tidak;
 - 4.2.4. Peperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
 - 4.2.5. Perkhidmatan ketenteraan atau laut semasa peperangan sama ada diisyiharkan atau tidak atau semasa diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraan awam;
 - 4.2.6. Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
 - 4.2.7. Perlanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
 - 4.2.8. Perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;



- 4.2.9. Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang- undang atau dadah selain daripada yang perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
- 4.2.10. Sebarang penyakit atau wabak disebabkan oleh ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau Kecederaan akibat Kemalangan);
- 4.2.11. Menghindu racun, gas atau bahan berwaspada (secara disengajakan atau tidak);
- 4.2.12. Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersial sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;
- 4.2.13. Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi, atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan dengannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya.



JADUAL KEENAM MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

1. DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL (CI)

1.1. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah diguna pakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Serangan iskemia sementara (TIA)
- ii) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain
- iii) Kecederaan traumatis pada tisu otak atau salur-salur darah
- iv) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular

1.2. Serangan Jantung – keterangan tertentu

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- i) Sejarah sakit dada tipikal;
- ii) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- iii) Peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
- Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium > / = 0.5 ng/ml

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil.
- ii) Peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

1.3. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

1.4. Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Termasuk tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - a) pra-malignan
 - b) bukan invasieve
 - c) karsinoma in situ
 - d) mempunyai malignan pinggiran (borderline)
 - e) mempunyai potensi malignan
- ii) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- iii) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- iv) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3
- vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV
- vii) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan

1.5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) angioplasti;
- ii) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berdasarkan kateter;
- iii) prosedur lubang kunci (keyhole);
- iv) prosedur laser.



1.6. Penyakit Arteri Koronari Serius

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira samada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

1.7. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari

Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi. Pembayaran di bawah klaus ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan Penyakit Kritis di bawah sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Kontrak ini, sekali gus mengurangkan amaun Bayaran Sekaligus yang boleh dibayar.

1.8. Kegagalan Hati Tahap Akhir

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- i) Jaundis kekal;
- ii) Asites (lebihan cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- iii) Ensefalopati hepatis.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

1.9. Hepatitis Viral Fulminan

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- i) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- ii) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- iii) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- iv) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

1.10. Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan

Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah

1.11. Tumor Otak Benign – keterangan tertentu

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- i) ia mengancam nyawa;
- ii) ia menyebabkan kerrosakan otak;
- iii) ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
- iv) Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimajian lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Sista
- ii) Granuloma
- iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak
- iv) Hematoma
- v) Tumor di dalam kelenjar pituitary
- vi) Tumor di dalam tulang belakang
- vii) Tumor saraf akustik.



1.12. Kelumpuhan Anggota

Hilang penggunaan penuh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau Kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai.

1.13. Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih

Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

1.14. Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih

Hilang Upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

1.15. Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

1.16. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- i) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- ii) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuatkuasa sijil;
- iii) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesahkan punca darah yang dicemari HIV;
- iv) Peserta/Orang yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
- v) Peserta/Orang yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

1.17. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- i) Keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;
- ii) Gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- iii) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- iv) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

1.18. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

1.19. Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang

Penerimaan transplant seperti berikut:

- i) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablati sumsum tulang menyeluruh; atau
- ii) Salah satu daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

1.20. Hilang Upaya Bertutur

Hilang Upaya bertutur sepenuhnya, berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh Kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan Kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Sebab-sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.



1.21. Pembedahan Otak

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Prosedur lubang gerudi (burr hole)
- ii) Prosedur transfenoid
- iii) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum
- iv) Pembedahan otak akibat Kemalangan.

1.22. Pembedahan Injap Jantung

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri
- ii) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

1.23. Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai.

1.24. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- i) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- ii) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

1.25. Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsional mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan diguna pakai.

1.26. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang

Kegagalan kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- i) Tranfusi produk darah berkala;
- ii) Agen perangsang sumsum;
- iii) Agen imunosupresif; atau
- iv) Transplant sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

1.27. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsi progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.

1.28. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- i) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- ii) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan



- iii) Pengesahan ketidakupayaan kekal Orang Yang Dilindungi untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

1.29. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

Kemerosotan atau Hilang Upaya intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Dementia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neorologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;
- ii) Penyakit psikiatrik;
- iii) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

1.30. Distrofi Otot

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- i) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- ii) Tiada penglibatan saraf tengah / periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor;
- iii) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur dua belas (12) tahun tarikh lahir berikutnya.

1.31. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) angioplasti;
- ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter;
- iii) prosedur lubang kunci yang lain;
- iv) prosedur laser.

1.32. Sklerosis Multipel

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- i) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- ii) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- iii) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

1.33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- i) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- ii) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa juu aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

1.34. Penyakit Sistik Medular

Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrisis intestital dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis mestilah disokong oleh biopsi ginjal.



1.35. Kardiomiopati – keterangan tertentu

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- i) Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- ii) Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkaitan secara langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi

1.36. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

- | | |
|-----------|----------------------------------|
| Jenis III | - Glomerulonefritis Segmen Fokus |
| Jenis IV | - Glomerulonefritis Resap |
| Jenis V | - Glomerulonefritis bermembran |

2. MANFAAT CI (terpakai kepada Manfaat Dipercepatkan)

- 2.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 2.2. Manfaat CI di dalam jadual ini berdasarkan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Manfaat CI diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 2.3. Manfaat CI yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Manfaat CI ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.
- 2.4. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk, kami akan membayar manfaat CI sekali gus ditolak apap-jumlah yang dibayar untuk Manfaat Dipercepatkan yang lain, jika ada, dan apa-apa amaun tertinggal yang perlu dibayar kepada kami sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami salah satu daripada tiga puluh enam (36) CI dengan syarat tiada pembayaran dibuat lebih daripada satu (1) CI di bawah jadual ini.
- 2.5. Kami akan bayar manfaat CI kepada:
 - 2.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 2.5.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.
- 2.6. Kami mempunyai hak, pada tempoh yang munasabah, untuk meminta bukti penerusan CI. Anda dikehendaki untuk mengemukakan bukti menggunakan perbelanjaan anda atau Orang yang Dilindungi itu sendiri.

3. MANFAAT CI (terpakai kepada Manfaat Tambahan)

- 3.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 3.2. Manfaat CI di dalam jadual ini adalah Manfaat Tambahan. Manfaat CI diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 3.3. Manfaat CI yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda.
- 3.4. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful Induk, kami akan membayar manfaat CI sekali gus ditolak apap-amaun tertinggal yang perlu dibayar kepada kami sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami salah satu daripada tiga puluh enam (36) CI dengan syarat tiada pembayaran dibuat lebih daripada satu (1) CI di bawah jadual ini.
- 3.5. Kami akan bayar manfaat CI kepada:
 - 3.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 3.5.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.
- 3.6. Kami mempunyai hak, pada tempoh yang munasabah, untuk meminta bukti penerusan CI. Anda dikehendaki untuk mengemukakan bukti menggunakan perbelanjaan anda atau Orang yang Dilindungi itu sendiri.



4. PENAMATAN MANFAAT CI

Peruntukan bagi manfaat CI ini kepada mana-mana Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi akan tamat dengan sendirinya:-

- 4.1. pada Tarikh Matang seperti yang terdapat pada Jadual Pertama; atau
- 4.2. apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 4.3. apabila serahan Sijil Takaful Individu dibuat; atau
- 4.4. selepas pembayaran manfaat CI dibuat ke atas Orang Yang Dilindungi; atau
- 4.5. apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun; yang mana terdahulu.

5. PROSEDUR TUNTUTAN

- 5.1. Pemberitahuan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang menyebabkan tuntutan.
- 5.2. Kegagalan memberikan notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan jika terdapat bukti yang mencukupi telah tidak dilaksanakan dengan munasabah untuk memberikan notis itu dan bawahu notis itu telah diberikan dengan segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.
- 5.3. Tiada manfaat akan menjadi perlu dibayar berkenaan dengan CI kecuali atau sehingga pihak Syarikat telah diberitahu seperti yang disebut terdahulu dan semua dokumen dan maklumat yang diperlukan telah diserahkan kepada Syarikat. Jika diperlukan oleh Syarikat, Orang Yang Dilindungi hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan oleh panel Pakar Perubatan berkelayakan dan didaftarkan sewajarnya yang diluluskan oleh Syarikat dan rawatan perubatan dan pembedahan seperti panel Pakar Perubatan yang diakui yang difikirkan perlu.
- 5.4. **Tempoh Menunggu bagi Penyakit Kritis**
 - 5.4.1. Enam puluh (60) hari Tempoh Menunggu adalah terpakai untuk keadaan di bawah:
 - a) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari
 - b) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
 - c) Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
 - d) Penyakit Arteri Koronari Serius
 - e) Serangan Jantung – keterukan tertentu
 - 5.4.2. Tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu adalah terpakai untuk keadaan lain yang disebabkan oleh penyakit
 - 5.4.3. Untuk penguatkuasaan semula, Tempoh Menunggu akan bermula daripada tarikh penguatkuasaan semula yang terakhir.

6. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami CI secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 6.1. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, perrusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan disyiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- 6.2. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurban atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisyiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurban ataupun darurat; atau
- 6.3. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasif atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau
- 6.4. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuan atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- 6.5. Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- 6.6. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya; atau
- 6.7. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif, atau
- 6.8. Sebarang Keadaan Sedia Ada sebelum penerimaan perlindungan; atau
- 6.9. Jika penyakit tersebut didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh isu Sijil Takaful Individu atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan; atau
- 6.10. Untuk Orang Yang Dilindungi yang remaja, apa-apa kecacatan/kerosakan kongenital dikecualikan secara khusus.



JADUAL KETUJUH MANFAAT HOSPITAL

1. DEFINISI

- 1.1. "Hospital Kerajaan Malaysia" bermaksud Hospital yang ditubuhkan, disenggarakan, dikendalikan atau disediakan oleh Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk diswastakan atau Hospital Kerajaan Malaysia yang dikorporatkan.
- 1.2. "Hospital" bermaksud sebuah institusi berdaftar yang ditubuhkan bagi tujuan menyediakan rawatan dan penjagaan pesakit katil berbayar atau pesakit yang cedera, dan mempunyai kemudahan untuk:
 - i) Perkhidmatan 24 jam kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dan bertauliah;
 - ii) Diagnostik dan pembedahan utama; dan
 - iii) Di bawah pengawasan pakar perubatan
- Sebuah Hospital adalah BUKAN:
 - i) Terutamanya sebuah klinik;
 - ii) Sebuah rumah pemulihan, rumah penjagaan atau rumah orang-orang tua;
 - iii) Sebuah pusat pemulihan untuk peragih alkohol atau dadah; atau
 - iv) Sebuah rumah untuk warga tua atau uzur.
- 1.3. "Kemasukan Ke Hospital" bermaksud penerimaan masuk ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk menerima Yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi seperti yang di syorkan oleh Pakar Perubatan. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika secara fizikalnya pesakit tidak tinggal di dalam Hospital bagi keseluruhan tempoh Kemasukan Ke Hospital.
- 1.4. "Kcederaaan" bermaksud kerosakan tubuh badan akibat Kemalangan.

2. MANFAAT HOSPITAL (HB)

- 2.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 2.2. Manfaat HB di dalam jadual ini adalah Manfaat Tambahan. Manfaat HB diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 2.3. Manfaat HB yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Manfaat HB ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.
- 2.4. Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital dalam mana-mana Hospital Kerajaan Malaysia atau pusat perubatan yang diakui pihak Syarikat atau hospital, manfaat harian Hospital akan dibayar bagi tempoh kemasukan minima selama enam (6) jam berturut-turut (tidak termasuk kemasukan akibat rawatan penjagaan harian) bagi hospital yang membuat caj Bilik dan Penginapan Harian.
- Bilangan maksimum hari adalah:
 - i) 180 hari bagi setiap Kemasukan Ke Hospital
 - ii) Agregat 365 hari ke atas semua sebab Kemasukan Ke Hospital, selepas itu manfaat ini akan tamat. Had agregat diguna pakai ke atas sepanjang hayat Orang Yang Dilindungi.
- 2.5. Kami akan bayar manfaat HB kepada:
 - 2.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 2.5.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.

3. PENAMATAN MANFAAT HB

Peruntukan bagi manfaat HB ini kepada mana-mana Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi akan tamat dengan sendirinya:-

- 3.1. pada Tarikh Matang seperti yang terdapat pada Jadual Pertama; atau
- 3.2. apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 3.3. apabila serahan Sijil Takaful Individu dibuat; atau
- 3.4. selepas pembayaran manfaat HB dibuat ke atas Orang Yang Dilindungi; atau
- 3.5. apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun yang mana terdahulu.

4. PROSEDUR TUNTUTAN

- 4.1. Pemberitahuan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang menyebabkan tuntutan.
- 4.2. Kegagalan memberikan notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membantalkan tuntutan jika terdapat bukti yang mencukupi telah tidak dilaksanakan dengan munasabah untuk memberikan notis itu dan bahawa notis itu telah diberikan dengan segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.



5. PENGECAULIAN-PENGECAULIAN

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi masuk ke Hospital secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 5.1. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- 5.2. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurst atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurst ataupun darurat; atau
- 5.3. Sebarang kegiatan penganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau
- 5.4. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- 5.5. Kecederaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- 5.6. Hilang Upaya yang bermula sebelum penerimaan perlindungan; atau
- 5.7. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya; atau
- 5.8. Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan; atau
- 5.9. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
- 5.10. Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
- 5.11. Rawatan penjagaan harian, pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan gigi dan rawatan, perubahan jantina serta explorasi atau perbedahan eksperimen; atau
- 5.12. Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
- 5.13. Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, Pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
- 5.14. Keadaan Sedia Ada seperti mana dinyatakan di dalam Jadual Kedua, dan/atau keadaan yang disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada kecuali yang mana ianya telah dimaklumkan dan diterima secara bertulis oleh pihak Syarikat; atau
- 5.15. Manfaat takaful ini adalah tidak melindungi Kemasukan Ke Hospital dalam masa tiga puluh hari (30) hari dari tarikh pengeluaran atau tarikh Sijil Takaful Individu dikuatkuasakan semula kecuali Kemasukan Ke Hospital tersebut adalah kerana Kecederaan Akibat Kemalangan.



JADUAL KELAPAN MANFAAT PERBELANJAAN SERTA-MERTA KEMATIAN

1. MANFAAT PERBELANJAAN SERTA-MERTA KEMATIAN (IDE)

- 1.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 1.2. Manfaat IDE di dalam jadual ini adalah Manfaat Tambahan. Manfaat IDE diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 1.3. Manfaat IDE yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Manfaat IDE ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.
- 1.4. Sekiranya berlakunya kematian kepada Orang Yang Dilindungi, setelah menunjukkan bukti yang mencukupi bahawa Orang Yang Dilindungi mati akibat daripada Kemalangan atau penyakit dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam, pihak Syarikat akan membayar perbelanjaan kematian ditolak apa-apa amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada kami.
- 1.5. Kami akan bayar manfaat IDE kepada:
 - 1.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 1.5.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.

2. PROSEDUR TUNTUTAN

2.1. Membuat tuntutan

- 2.1.1. **Memberi notis tuntutan**
Notis pemberitahuan tuntutan kematian hendaklah diberikan kepada kami. Sebarang kegagalan untuk berbuat demikian tidak akan menjelaskan tuntutan selagi notis itu diberikan secepat mungkin dan munasabah.
- 2.1.2. **Bukti tuntutan**
Bukti kematian hendaklah diberikan kepada kami. Kami memerlukan dokumen-dokumen berikut:
 - a) Sijil kematian yang asal/ salinan yang disahkan, atau
 - b) Permit kubur/ pengebumian yang asal/ salinan yang disahkan, dan
 - c) Kad Pengenalan Orang Yang Dilindungi yang asal/ salinan yang disahkan.

Takaful
I K H L A S®



JADUAL KESEMBOLAN

MANFAAT BAYARAN BALIK PERUBATAN PESAKIT LUAR

1. MANFAAT BAYARAN BALIK PERUBATAN PESAKIT LUAR (OMRB)

- 1.1. Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful Induk kecuali kami mengatakan sebaliknya. Jadual ini akan diguna pakai di dalam peruntukan Manfaat di dalam Jadual Pertama Sijil Takaful Induk.
- 1.2. Manfaat OMRB di dalam jadual ini adalah Manfaat Tambahan. Manfaat OMRB diguna pakai ke atas Orang Yang Dilindungi dalam Sijil Takaful Induk seperti dinyatakan di Jadual Pertama jika Sijil Takaful Induk dan jadual ini berkuat kuasa.
- 1.3. Manfaat OMRB yang akan dibayar kepada setiap Orang Yang Dilindungi adalah bersamaan dengan Amaun Perlindungan untuk setiap Orang Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Manfaat OMRB ini adalah dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini dijamin.
- 1.4. Kami akan membayar balik perbelanjaan rawatan sebenar yang ditanggung untuk rawatan Kecederaan badan akibat Kemalangan sehingga had tertentu ditolak apa-apa amaun tertinggi yang perlu dibayar kepada kami. Pampasan di bawah manfaat ini akan dibayar hanya untuk rawatan sehingga enam (6) bulan daripada tarikh Kemalangan diberikan rawatan perubatan itu ditadbir untuk Orang Yang Dilindungi oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dan diberikan lagi bawa rawatan perubatan pertama ditadbir dalam tempoh 24 jam yang pertama daripada tarikh Kemalangan.
- 1.5. Kami akan bayar manfaat OMRB kepada:
 - 1.5.1. Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan kepentingan boleh lindung; atau
 - 1.5.2. Pihak menuntut yang wajar untuk Orang Yang Dilindungi bagi Skim tanpa kepentingan boleh lindung.

2. PENAMATAN MANFAAT OMRB

Peruntukan bagi manfaat OMRB ini kepada mana-mana Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi akan tamat dengan sendirinya:-

- 2.1. pada Tarikh Matang seperti yang terdapat pada Jadual Pertama; atau
- 2.2. apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 2.3. apabila serahan Sijil Takaful Individu dibuat oleh; atau
- 2.4. selepas pembayaran penuh 100% manfaat OMRB dibuat ke atas Orang Yang Dilindungi; atau
- 2.5. apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh enam (66) tahun; yang mana terdahulu.

3. PROSEDUR TUNTUTAN

- 3.1. Pemberitahuan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang menyebabkan tuntutan.
- 3.2. Kegagalan memberikan notis dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan jika terdapat bukti yang mencukupi telah tidak dilaksanakan dengan munasabah untuk memberikan notis itu dan bawa notis itu telah diberikan dengan segera yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.

4. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 4.1. Sebarang Kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia;
- 4.2. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecualian, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan Kemalangan atau kerosakan kepada penumpang.
- 4.3. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan Kemalangan.
- 4.4. Pendedahan sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), atau perbuatan menjahat Orang Yang Dilindungi sendiri.
- 4.5. Sekiranya Orang Yang Dilindungi kerap terlibat di dalam sebarang pekerjaan, aktiviti sukan atau aktiviti masa lapang yang melibatkan risiko yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang telah dinyata di dalam Sijil Takaful Induk ini, tanpa Orang Yang Dilindungi memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Syarikat dan mendapatkan kebenaran bertulis untuk meminda Sijil Takaful Induk ini (tertakluk kepada bayaran Sumbangan Takaful tambahan yang dirasakan munasabah oleh pihak Syarikat), tiada tuntutan akan dibayar ke atas musibah yang di alami.
- 4.6. Tuntutan berkaitan pekerjaan-pekerjaan berikut:
 - 4.6.1. tentera, pertahanan awam, pengawal/ pegawai keselamatan, atau
 - 4.6.2. kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
 - 4.6.3. perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letusan atau kuari, atau berurus dengan bahan letusan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana Orang Yang Dilindungi sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan tubuh badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi), atau
 - 4.6.4. aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.
- 4.7. Yang berlaku daripada aktiviti-aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan dengan tujuan rekreasi, pemasangan minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian letusan.
- 4.8. Kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk.

